

POINTERS UCAPAN

**YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOF
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**PROGRAM TURUN PADANG KPWKM EDISI NEGERI SARAWAK
#BerambahKPWKM**

**18 SEPTEMBER 2020 (JUMAAT)
9.30 PAGI – 11.30 PAGI**

**SESI PERKONGSIAN INISIATIF SOSIAL DALAM MESYUARAT MAJLIS
PEMBANGUNAN SOSIAL SARAWAK
HOTEL HILTON, KUCHING, SARAWAK**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera

SALUTASI *(akan diberikan)*

PENDAHULUAN

1. Kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataa'la kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, diberi ruang dan peluang oleh pihak **Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak** melalui **Majlis Pembangunan Sosial Negeri Sarawak (MPSS)** untuk kita berjumpa dan bertukar-tukar pengalaman dan cadangan mengenai pembangunan sosial pada pagi ini.

2. Hasrat ini telah diusulkan melalui **Kunjungan Hormat** Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) **kepada YB Dato' Sri Hajah Fatimah binti Abdullah**, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak pada 11 September 2020.
3. Alhamdulillah beliau memberikan maklum balas yang positif dan bersedia untuk membantu dalam merealisasikan hasrat ini. YB Fatimah juga telah turut serta bersama-sama saya sepanjang Program Turun Padang KPWKM semalam di sini.
4. **Terima kasih diucapkan kepada YB Puan Rosey binti Haji Yunus**, Menteri Muda Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak kerana sudi mempengerusikan sesi ini pada pagi ini **dan kepada Ahli-Ahli MPSS.**
5. **Terima kasih juga kepada urusetia Bahagian Pembangunan Sosial** Kementerian, Dr. Zufar Yadi Brendan bin Abdullah, Setiausaha Eksekutif Bahagian dan para pegawainya.
6. Sebagai perkongsian, saya baru sahaja menamatkan **Program Turun Padang (PTP) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Edisi Negeri Kelantan** yang bermula pada **22 Ogos 2020 hingga 6 September 2020** di 6 buah lokasi dalam 5 siri di Negeri Kelantan.

7. Oleh kerana **sambutan memberangsangkan dan dilihat bahawa masih banyak yang tiada dalam pengetahuan rakyat** terutamanya inisiatif-inisiatif terkini Kerajaan dan perkhidmatan-perkhidmatan di bawah KPWKM, maka saya berhasrat untuk meneruskan PTP ini di Sarawak dan Sabah.

8. **PTP Edisi Negeri Sarawak:**

- Bermula pada 16 hingga 18 September 2020 (Rabu-Jumaat).
- Lokasi: Batang Lupar, Betong, Asajaya, Samarahan, Kuching.
- Lawatan ke Program Pemerksaan Komuniti dan Keluarga (FACE), program Mamacare, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) untuk OKU dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)
- Lawatan ke Mama
- Ziarah Kasih;
 - Sumbangan Bakul Makanan;
 - Dalam ziarah ini, terdapat juga senarai-senarai lain yang diperlukan oleh kumpulan sasar yang mana di bawah bidang kuasa Kementerian/Jabatan lain yang berkaitan.
- Sesi bertemu kumpulan sasar (ibu tunggal, OKU, Warga Emas, Keluarga, penerima bantuan serta Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum).

9. **Tujuan PTP:**

- Mendengar keperluan dan permasalahan rakyat.

- Menyampaikan penerangan berhubung perkhidmatan dan inisiatif di bawah KPWKM supaya lebih difahami oleh rakyat.
 - Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum serta NGO sebagai tangan dan telinga Kementerian dalam menyampaikan penerangan dan bimbingan kepada rakyat.
 - Memudahkan urusan rakyat dalam membuat permohonan seperti Bantuan Kebajikan dan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT).
10. Sedia maklum bahawa wabak COVID-19 memberi **kesan negatif ke atas ekonomi** negara (penutupan perniagaan, kehilangan pekerjaan dan penguncupan peluang pekerjaan).
11. Oleh itu, terdapat keperluan bagi KPWKM dalam meninjau sendiri keadaan kumpulan sasar di negeri-negeri dan meneliti keperluan mereka.
12. Selain tindakan turun padang, perlu juga kepada satu **platform untuk menyediakan struktur yang lebih kuat** dalam memastikan usaha-usaha kita terhadap kumpulan sasar khususnya pembangunan sosial tidak terhenti setakat program dan aktiviti.
13. Sesi perkongsian melalui MPSS pada pagi ini merupakan satu platform yang amat sesuai bagi kedua-dua Kementerian berkongsi amalan-amalan terbaik, pengalaman dan inisiatif-inisiatif untuk sama-sama **menambah baik perlindungan, pemulihan, penjagaan,**

pembangunan, pemeraksanaan dan pembangunan kumpulan sasar dalam sektor sosial.

14. Kenapa penting, kerana pelaksanaan dasar, perundangan dan program yang ditetapkan oleh Kerajaan haruslah **menepati keperluan jantina, umur, agama, bahasa, norma budaya** yang wujud dalam satu-satu masyarakat.
15. Sekiranya dasar, perundangan dan program ini dilaksanakan tanpa mengambil kira keperluan ini, maka sasaran tidak akan tercapai kerana masih terdapat kumpulan sasar yang ketinggalan oleh kerana **kekangan maklumat dan penyampaian.**
16. Saya amat menghargai sesi ini, dan kepada pegawai-pegawai saya dari Kementerian dan Jabatan, ambillah peluang ini untuk berbincang dan mencari solusi bagi tujuan penambahbaikan pembangunan sosial.
17. Akhir kata, saya doakan agar sesi ini dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir dan semoga para hadirin dilimpahi rahmat dan dilindungi Allah SWT. InsyaAllah.
18. Saya serahkan semula kepada YB Puan Rosey.

Terima kasih.